

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

Gambang

Projek Penanaman Serai Wangi dan Kraftangan Jerami antara aktiviti Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berjaya memartabatkan keusahawanan sosial di Pahang kerana memberi manfaat kepada komuniti dan membolehkan pelajar berperanan sebagai agen perubahan.



**SUSULAN PROGRAMINI,
MYPACE AKANTURUT
MELAKSANAKAN
BIMBINGAN
PENGHASILAN
KRAFTANGAN
JERAMI SEBAGAI
CENDERAHATI”**

**Prof Dr Noor
Azlinna Azizan,**
Pengarah Pusat
Keusahawanan Universiti
Malaysia Pahang
(MyPACE)



Penanaman Anak Pokok Serai Wangi

UMP bantu komuniti jana ekonomi

Pengarah Pusat Keusahawanan Universiti Malaysia Pahang (MyPACE), Prof Dr Noor Azlinna Azizan, berkata projek kerjasama dengan Kelab Enactus itu dijalankan di Perumahan Bersepadu di Bukit Kenau dengan membabitkan 11 penduduk.

Katanya, program itu bertujuan membantu golongan sasaran termasuk ibu tunggal dan penduduk kurang berkemampuan untuk meningkatkan ekonomi mereka menerusi penghasilan pewangi berasaskan serai wangi yang ditanam sendiri di kawasan persekitaran rumah serta penghasilan bahan kraf tangan jerami.

“Benih serai wangi yang disumbangkan MyPACE menjadi titik permulaan kepada keusahawanan sosial kerana ada perancangan memperluas pelaksanaan program ini membabitkan penggunaan ekstrak serai wangi untuk penghasilan racun serangga perosak yang lebih selamat.

Kraftangan jerami

“Susulan program ini, MyPACE akan turut melaksanakan bimbingan penghasilan kraftangan jerami sebagai cenderahati,” katanya.

Prof Noor Azlinna berkata, aktiviti lain dilaksana bagi mengukuhkan ilmu keusahawanan dalam kalangan warga UMP termasuk pendedahan keusahawanan bagi pelajar baharu, MyPACE Grand Bazar, Mentor Usahawan Teknikal, Program Perundingan Junior, Karnival Keusahawanan-Tekno, Program Pensijilan Halal, Latihan Pengaruh Korporat serta Program Pembangunan Perniagaan Digital.

Katanya, kemudahan lot niaga serta kiosk sebagai ruang untuk pelajar berniaga dan ruang inkubator bagi membangunkan syarikat di bawah pengurusan pelajar UMP turut disediakan bagi membolehkan mahasiswa mempraktikkan ilmu keusahawanan dan membangunkan perniagaan mereka.

“Dalam usaha untuk

menjadi entiti yang berdaya saing, MyPACE turut menjalankan kerjasama yang erat dengan agensi keusahawanan seperti Majlis Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), TEKUN Nasional (TEKUN) dan SME Corporation Malaysia.

Beliau berkata, penuhanan kelab yang menjalankan aktiviti keusahawanan dalam kampus memantapkan usaha pembudayaan aktiviti keusahawanan termasuk menerusi Kelab Enactus, Kelab Keusahawanan, Kelab MyAgrosis dan Koperasi Siswa (Kosiswa).

Putus rujukan

Ekosistem keusahawanan yang lengkap memacu usaha MyPACE untuk menjadi pusat rujukan keusahawanan yang kondisif dan berdaya saing pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Katanya, tujuh elemen dalam ekosistem itu adalah

pusat kecemerlangan, kepimpinan keusahawanan, semangat keusahawanan berteraskan Islam, aktiviti kurikulum, infrastruktur dan sokongan keusahawanan, kandungan dan kurikulum keusahawanan serta rangkaian.

“Hasil daripada strategi dirangka, kami berjaya melahirkan graduan yang menjadi usahawan menerusi penubuhan syarikat berdaftar dengan SSM termasuk PNC Centre, Qualem Resources Sdn Bhd, Azwan Dot Com, SehAin Dessert Island dan Organic Biomass.

“MyPACE juga giat memastikan pelajar menyertai pertandingan keusahawanan dalam dan luar negara sebagai platform untuk kemajuan diri dan perniagaan mereka seperti Pertandingan Espriex Business Model Competiton Asean di Indonesia yang mana dua pasukan UMP iaitu Cycleit dan Ecosys Team, masing-masing mendapat tempat ke-12 dan ke-16 daripada 300 penyertaan,” katanya.

INFO

Antara perkhidmatan yang disediakan oleh MyPACE:

- Menyediakan lot niaga dan tapak promosi
- Lesen perniagaan kepada pelajar
- Menjadi pusat rujukan dan bimbingan keusahawanan
- Menyediakan kursus pendek/bengkel perniagaan’
- Aktiviti pembudayaan keusahawanan kepada pelajar
- Permohonan pendaftaran Sijil Syarikat Malaysia (SSM)
- Mewujudkan direktori perniagaan